

**BERITA ONLINE**

**SOYA CINCAU**

**TARIKH : 28 DISEMBER 2022**



## **NanoMalaysia akan bangunkan teknologi pengecas EV sifar karbon pertama keluaran Malaysia**

Story by Najib · Yesterday 9:18 pm

👍 🗨️ 💬 Comments

Kepada pengkritik kenderaan elektrik (EV), masih ramai yang mengatakan bahawa EV masih tidak membantu mengurangkan pelepasan karbon di udara, kerana stesen penjana elektrik di Malaysia kebanyakannya masih menggunakan pembakaran arang. Secara tidak langsung, lebih banyak elektrik digunakan oleh EV, lebih banyak juga arang dibakar dan karbon dilepaskan.

Tetapi jika tidak ada seseorang yang mengambil langkah pertama untuk berubah, sampai bila pun ia tidak akan bermula. Kerana itu, penghasilan EV adalah penting sebagai permulaan dan langkah selepas itu adalah untuk mengubah penghasilan tenaga daripada menggunakan arang di Malaysia.

Kerana itu, Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI) melalui agensi di bawahnya, NanoMalaysia Bhd sedang menghasilkan konsep RENEW (Tenaga Nanogrid Boleh Diperbaharui). Ia adalah satu teknologi yang dikuasakan oleh teknologi tenaga boleh diperbaharui dan bersih, menggunakan panel solar dipertingkatkan nano.



NanoMalaysia akan bangunkan teknologi pengecas EV sifar karbon pertama keluaran Malaysia© Provided by Soya Cincau BM

Pembangunan teknologi ini diuruskan oleh Nano Commerce Sdn Bhd, anak syarikat penuh milik NanoMalaysia dan mereka bekerjasama dengan syarikat EV tempatan. Ujian rintis RENEW pertama mereka ialah pengecas EV di stesen Temasya Petronas, yang terletak di Lebuhraya Persekutuan.

Pengecas berasaskan RENEW ini akan memiliki pengecas pantas EV 50kW, panel solar PV dipertingkatkan nano dan bateri litium-ion. PV solar dipertingkatkan melalui salutan nano yang menambah sifat hidrofobik yang membolehkan kecekapan yang lebih tinggi di waktu cuaca buruk. Dengan RENEW yang turut dikuasakan oleh tenaga suria dan berupaya menyimpan tenaga, pergantungan sistem pada kuasa grid dikurangkan sehingga 20% yang secara berkesan akan membantu penyahkarbonan di Malaysia.

Inisiatif ini menyokong sasaran Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% pada 2030 dan mencapai sifar karbon seawal 2050. Kerjasama strategik nanoMalaysia dan Petronas Dagangan Berhad juga selari dengan Polisi Tenaga Kebangsaan 2022-2040, di mana peringkat awal untuk menyokong infrastruktur pembangunan EV dibuat melalui kerjasama awam dan swasta.